

# Sains Sukan UMS jadi pilihan pelajar


UB 26.05.2012 A14

KOTAKINABALU: Hampir 300 orang calon pelajar dari seluruh Sabah termasuk pelajar kelainan upaya telah menghadiri temu duga dalam bidang sains sukan yang dijalankan di kompleks sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mana terdiri daripada pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Secara keseluruhan, Program HS20 di UMS iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan telah menerima beribu permohonan namun hanya hampir 600 orang sahaja terpilih untuk menjalani sesi pemilihan yang dijalankan di beberapa buah universiti.

Menurut Mohamad Nizam Nazarudin, Pensyarah Sains Sukan, UMS telah pun menjalankan sesi pemilihan pelajar HS20 bagi Sesi Kemasukan Semester 1 2012/2013 di Universiti Malaysia Terengganu (Zon Pantai Timur), Universiti Putra Malaysia (Zon Selatan dan Tengah), IPG Batu Lintang (Sarawak), IPG Jitra (Zon Utara) dan UMS (Zon Sabah dan Labuan).

"Hanya 70 orang calon dari seluruh Malaysia yang telah menjalankan temu duga akan disenaraikan sebagai pelajar sains sukan UMS (HS20) bagi pengambilan bulan September yang akan datang.



**PEMERIKSAAN dokumen dijalankan ke atas pemohon.**

"Antara syarat utama yang perlu dipenuhi adalah melepassi kelayakan bagi ujian kecerdasan, temu duga formal serta mendapat gred lulus penuh dalam subjek Pengajian Am dan dua subjek yang lain dengan jumlah purata nilai keseluruhan minimum (PNGK) 2.50.

"Selain itu, calon mestilah aktif dalam bidang kurikulum sama ada pernah menyertai kejohanan di peringkat negeri, kebangsaan serta antarabangsa. Namun begitu, pemilihan bakal pelajar pada akhirnya akan diputuskan oleh pihak UPU," katanya.

Pemilihan di UMS pula melibatkan sesi temuduga ini diketuai oleh Ketua Program

Sains Sukan Universiti Malaysia Sabah (HS20), Dr. Dyg Maryama binti Ag Daud.

Calon-calon telah menjalankan dua sesi ujian temu duga iaitu ujian kecerdasan fizikal dan temu duga formal yang dikendalikan oleh pensyarah-pensyarah program Sains Sukan UMS.

Menurut beliau lagi, di antara sebab kebanyakkan pelajar memilih sains sukan di UMS adalah kerana banyak mendengar tentang program HS20 daripada guru-guru sukan, sahabat dan keluarga.

Selain itu, mereka juga mengakui kagum dengan keindahan UMS serta keramahan penduduk Sabah.



**PARA Pemohon menunggu giliran untuk ditemuduga.**